

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN**  
**MOHAMED@HASHIM**  
**[KUALA TERENGGANU]**

**SOALAN NO. 32**

**Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peranan Lembaga Totalisator Malaysia, agensi di bawah Kementerian Kewangan dan nyatakan jumlah tajaan dan jenis program Lembaga Totalisator Malaysia yang ditaja oleh syarikat perjudian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(1), Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 (Disemak 1992) [Akta 494] dan berfungsi sebagai badan mengawas, mengawal dan melaksanakan operasi totalisator berdasarkan perlumbaan kuda di Malaysia dan Singapura mengikut skim dan peraturan yang diluluskan. LTM turut berfungsi bagi mempertingkatkan kemudahan totalisator di kelab-kelab lumba kuda (*turf clubs*), menggalakkan penternakan dan pемbiakan kuda tempatan, memajukan sukan ekuit dan melaksanakan projek kebajikan.

LTM melantik agen untuk menjalankan operasi nombor ramalan (NFO) dan operasi pertaruhan lumba kuda (RTO) di bawah *Scheme for the Establishment and Operation of Totalisators and Totalisator Agencies in Respect of Race Meetings* yang telah diluluskan oleh Menteri pada 28 Mac 1961 mengikut peruntukan seksyen 16, Akta 494. Merujuk kepada tajaan oleh LTM, sebarang jumlah tajaan adalah bergantung kepada kelulusan daripada Lembaga Pengarah di bawah Seksyen 4(b) dan (c) Akta 494.